Tinggalkanlah perkara yang meragukanmu (dan pergi) kepada perkara yang tidak meragukanmu

Daripada Abu Muhammad, al-Hasan bin Ali bin Abi Talib – cucu Rasulullah dan pewaris harumannya – beliau berkata: “Aku telah menghafal daripada Rasulullah : " Tinggalkanlah perkara yang meragukanmu (dan pergi) kepada perkara yang tidak meragukanmu."

[صحيح] [رواه الترمذي والنسائي]

Nabi telah memerintahkan supaya meninggalkan perkara-perkara yang diragui, sama ada dalam ucapan atau amalan, tentang hukumnya sama ada terlarang atau tidak, haram atau halal dan memfokuskan kepada perkara yang tidak diragui lagi, iaitu yang telah diyakini kesahihannya dan kehalalannya.

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/66519